

19 OCT 2002  
SATYAM-GSC/I  
SATYAM AKAN BUKA PUSAT RUMUSAN GLOBAL DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Satyam Computer Services Ltd, penyedia penyelesaian Teknologi Maklumat (IT) yang berpangkalan di India telah membuat keputusan untuk membuka Pusat Rumusan Global (GSC)nya yang pertama di Malaysia.

Keputusan itu adalah hasil rundingan yang diteruskan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Satyam, susulan lawatan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie ke Satyam semasa rombongan MSC ke selatan India pada Mac tahun lepas.

Moggie merupakan seorang daripada anggota delegasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerokai peluang-peluang IT di Hyderabad mulai 16-17 Okt.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh kementerian di sini hari ini, ia memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa Malaysia gembira dengan kerjasama global seperti Satyam yang telah membuat keputusan untuk membuka pusat rumusan globalnya yang pertama di MSC.

Beliau memberi jaminan bahawa Malaysia akan menyediakan segala sokongan yang mungkin dari segi persekitaran mesra perniagaan dan sumber pekerja yang berpengetahuan bagi menjadikan ini satu usaha sama yang berjaya bagi Satyam.

"Ini tentunya satu lagi contoh hubungan erat kita dengan India yang berkembang dan kami berharap untuk mengukuhkan lagi hubungan ini di masa depan," kata Dr Mahathir.

Pengerusi Saytam, Ramalinga Raju, yang menyambut ketibaan Dr Mahathir dan delegasi Malaysia ke kampus Pusat Teknologi Saytam di Hyderabad, melahirkan harapan bahawa hubungan syarikat dengan Malaysia akan diperkukuhkan lagi dengan penubuhan pusat berkenaan.

Saytam juga dipetik sebagai menyatakan dalam kenyataan itu bahawa rasionalnya syarikat menubuhkan pusat berkenaan ialah bagi meningkatkan kelebihan yang ditawarkan oleh MSC dari segi infrastruktur dan faedah kos serta menyediakan penyelesaian perisian yang kos efektif kepada pelanggannya di peringkat global.

GSC Satyam dalam kawasan MSC akan menjadi pusat pembangunan alternatif syarikat di luar India dalam konteks kesinambungan perniagaan dan dalam proses meniru model pembangunan luar pesisir Satyam.

Melalui pusat berkenaan, Satyam akan berkongsi proses kematangannya dan berharap untuk memberikan nilai yang lebih besar kepada ekonomi Malaysia dengan membina kecekapan teknologi dan bakat para profesional Malaysia.

Keputusan oleh Saytam akan membawa kepada kewujudan pertama syarikat ICT utama India di MSC dan ini dijangka menjadi pemangkin pelaburan yang sama oleh syarikat ICT India yang lain ke MSC.

Satyam merupakan satu daripada syarikat peneraju ICT India dan memperoleh standard kualiti perisian yang tertinggi iaitu SEI-CMM peringkat syarikat.

Ia memiliki lebih 8,500 profesional IT yang menjalankan pusat-pusat pembangunan perisian termaju yang terletak di India, Amerika Syarikat, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu, Jepun, Singapura dan Australia. --  
BERNAMA

AKT MR NHD